

20/06/1999

Pembahagian projek, saham adil (HL)

KUALA LUMPUR: Kerajaan tidak mengamalkan dasar pilih kasih dalam meluluskan projek penswastannya dan mengagihkan saham khas yang diperuntukkan kepada Bumiputera, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, senarai dikeluarkan Kementerian Kewangan semalam membuktikan kerajaan bersikap adil dengan mengagihkan projek dan saham kepada beribu-ribu Bumiputera.

Sebaliknya menurut beliau, melalui senarai itu, rakyat dapat melihat bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengamalkan kronisme ketika menjadi timbalan perdana menteri dan menteri kewangan.

"Kita mempunyai bukti dan nama ahli keluarganya yang menjadi pengarah, pengerusi dan pemegang saham. Malah berjuta-juta saham pergi kepada ahli keluarganya, itu dapat kita buktikan," katanya dalam sidang akhbar di hari kedua perhimpunan agung Umno, semalam.

Kementerian Kewangan mengeluarkan senarai mengandungi 6,440 syarikat sendirian berhad yang menerima saham khas Bumiputera dan 27 firma mendapat projek penswastan kerajaan ketika Anwar menerajui kementerian itu, 1993 hingga 1998.

Sebanyak 18 daripada 27 syarikat mendapat projek penswastan bernilai berbilion ringgit menerusi Unit Perancang Ekonomi (EPU) itu, dikaitkan dengan penyokong Anwar dan tokoh korporat yang rapat dengannya.

Senarai itu dipamerkan di Aras Empat Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sejak 11.30 malam kelmarin untuk tatapan perwakilan dan pemerhati yang menghadiri Perhimpunan Agung Umno.

Pada perhimpunan tahun lalu, Ketua Pemuda Umno ketika itu, Datuk Ahmad Zahid Hamidi mendakwa nepotisme dan kronisme diamalkan dalam pemberian sesetengah projek penswastan.

Media asing dan pihak pembangkang juga menuduh kerajaan melakukan amalan itu.

Dr Mahathir berkata, menerusi senarai kementerian itu, rakyat boleh membuat perbandingan bilangan saham dan projek penswastan yang diterima keluarga beliau berbanding ahli keluarga dan rakan Anwar.

"Saya tak kata keluarga saya tak terima. Nama anak-anak saya juga ada dalam senarai itu, tetapi mereka adalah pemegang saham kecil berbanding dengan kroni Anwar.

"Orang yang sangat rapat dengannya menerima banyak projek besar. Kita tidak protes hal ini kerana sedar ramai yang memperoleh manfaat daripada projek itu," tambah beliau.

Ditanya oleh wartawan asing sama ada tindakan akan dikenakan terhadap penerima projek berkenaan, Dr Mahathir berkata:

"Tidak, jika mereka berkeupayaan, biarlah mereka melaksanakannya. Jika mereka tidak mampu, itu cerita lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, Anwar membuat pelbagai tuduhan terhadap beliau dan kerajaan kononnya mengamalkan dasar kronisme dan nepotisme termasuk dengan menulis surat dari penjara.

(END)